



Pertubuhan Sains, Teknologi dan Inovasi (PPM-012-10-25102012)
No.16A, Jalan 21/12, Sea Park, 46300 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: 03-78778571/03-78655557
Email: asti2510@gmail.com Website: www.asti.org.my



ASTI FEYNMAN CHALLENGE 2021 (AFC) **SIARAN MEDIA**

ASTI merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) dengan objektif memperkasakan anak muda kita menerusi pelbagai projek pembangunan berasaskan sains dan kemahiran. ASTI Feynman Challenge (AFC) merupakan sebuah projek perintis yang direka dalam masa rintangan perintah kawalan pergerakan COVID19. Kami percaya bahawa proses pembelajaran anak murid kita tidak boleh berhenti walau apa jua keadaannya. Dalam kata-kata Eric Hoffer, seorang ahli falsafah, "Dalam masa perubahan drastik, mereka yang terus belajar akan mewarisi masa depan. Mereka yang berpendidikan akan mendapati diri mereka bersedia menghadapi masa depan dunia yang amat berlainan".

Pada tahun lepas, kami telah menerima sebanyak 650 pendaftaran di mana 318 pasukan berjaya menghantar video mereka. Memandangkan sambutan baik terhadap AFC, kami ingin meneruskan program yang sama tahun ini. AFC 2021 ditaja terutamanya oleh Kolej Megatech

Bagi 2021, pasukan boleh terdiri daripada ibu bapa dan anak-anak, saudara dan saudari, rakan dan rakan belajar. Pasukan tidak perlu tinggal bersama dan boleh berkomunikasi melalui platform dalam talian seperti zoom dll. Setiap video tidak boleh melebihi 5 minit yang dimuat naik ke YouTube. Video tersebut boleh dirakam menggunakan telefon bimbit masing-masing. Prinsip belajar atau pedagogi AFC adalah berdasarkan Teknik Pembelajaran Feynman yang dapat diringkaskan dalam 4 langkah mudah:

1. Pilih konsep yang ingin dibelajari
2. Berpura-pura anda mengajarnya kepada pelajar lain yang sangat muda dengan menggunakan alat pengajaran yang telah dicipta.
3. Mengenal pasti jurang dalam penjelasan; kembali ke bahan sumber, untuk lebih memahaminya
4. Semakan dan pemudahkan - dan menghasilkan video dengan penjelasan terakhir.

Terdapat langkah tambahan antara langkah 1 dan 2 iaitu; LANGKAH 1.5. Cipta alat pengajaran untuk mengajar konsep.

Pengajar AFC juga telah menghasilkan modul untuk membantu para peserta dengan projek masing-masing dan ianya adalah dalam Bahasa Inggeris: *Module 1_ How To Do A Video and Work With Your Child In Meaningful Way, Module 2_ What is the Feynman Technique, Module 3_Teaching Method and Developing a Lesson, Module 4_Project Management and Planning and Module 5_ How to upload video in YouTube and Video Submission Guidelines.*

Kami berharap bukan sahaja ibu bapa dapat mengetahui tentang kapasiti pembelajaran anak-anak mereka ,tetapi juga bekerja sebagai satu pasukan untuk membina silaturrahim dalam keluarga yang lebih baik semasa dan selepas COVID-19.

Peserta boleh mendaftar dan memuat turun terma and syarat, bahan dan panduan di laman web seperti berikut <https://www.asti.org.my/afc2021/>

“Kalau kita tidak boleh menerangkan sesuatu perkara supaya mudah difahami, maka kita tidak lagi memahami perkara tersebut secara mendalam.” - Albert Einstein

Association of Science, Technology and Innovation (ASTI) - Email: asti2510@gmail.com